

Newspaper	Berita Harian
Date	15 November 2015



Najib yang menghadiri Sidang Kemuncak G20 mengunjungi Erdogan di Antalya, Turki. [FOTO BERNAMA]

Keganasan pelampau fokus utama G20

BH - 15/11/2015

» **Najib temui Erdogan bincang kaedah tangani ancaman serius**

Antalya (Turki)

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata isu keganasan pelampau akan menjadi satu daripada fokus utama Sidang Kemuncak Kumpulan 20 (G20) berikutan serangan di Paris, awal pagi semalam waktu Malaysia.

Beliau berkata, perkara itu dinyatakan oleh Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan pada pertemuan dua hala mereka di sini, kelmarin.

“Erdogan menyatakan perbincangan itu berkisar soal keganasan dan bagaimana dunia boleh meningkatkan lagi kerjasama untuk menangani isu itu”

Najib Razak,
Perdana Menteri

KL kutuk serangan

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menegaskan Malaysia mengutuk siri serangan keganasan didalangi kumpulan bersenjata di Paris yang mengorbankan lebih 100 nyawa orang awam yang tidak berdosa.

“Malaysia mengutuk serangan melampau di Paris ke atas orang awam yang tidak berdosa. Doa kami untuk rakyat Perancis. Saya terkejut, te-

tapi kita mesti kekal bersatu dan tidak berganjak daripada menentang keganasan,” katanya dalam laman Facebook beliau, semalam.

Sambil mengesahkan setakat ini tiada rakyat Malaysia cedera atau terkorban dalam serangan terbabit, Najib meminta pihak yang memerlukan bantuan supaya menghubungi Kedutaan Malaysia di Paris di talian 0033145531185 atau 0033632606184.

Najib, selaku Pengerusi ASEAN, melakukan kunjungan hormat ke atas Erdogan yang akan memperkerusi Sidang Kemuncak G20 Ke-10, di sini dari 15 hingga 16 November ini.

“Erdogan menyatakan perbincangan itu akan berkisar kepada soal keganasan dan bagaimana dunia boleh meningkatkan lagi kerjasama untuk menangani isu yang amat serius itu,” kata Perdana Menteri pada sidang media di Pusat Media Antarabangsa (IMC) di Hotel Kaya Palazzo, di sini semalam.

Bekerjasama dengan Perancis
Susulan kejadian keganasan di Paris yang mengakibatkan lebih 120 terbunuh, Najib berkata, beliau menyatakan pendirian Malaysia untuk terus bekerjasama dengan Perancis dan negara lain bagi menghadapi ancaman serius itu.

“Pendirian Malaysia adalah jelas, untuk mengutuk sebarang bentuk keganasan, lebih-lebih lagi terhadap orang awam yang tidak berdosa dan tidak bersalah,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan negara lain bukan sahaja mengutuk perbuatan terbabit, malah mengambil tindakan

berpatutan untuk membanteras, mencegah dan mengelak kejadian seperti itu daripada berterusan.

“Saya menghantar surat takziah kepada Presiden Francois Hollande atas kejadian menyayat hati itu dan menyatakan pendirian Malaysia untuk terus bekerjasama dengan Perancis dan negara lain bagi menghadapi ancaman yang begitu serius,” katanya.

Najib berkata, Turki juga menghadapi ancaman keganasan seperti kejadian bom di Ankara yang mengorbankan lebih 100 orang baru-baru ini, selain masalah di bahagian barat daya negara itu.

“Turki turut menghadapi masalah pelarian kerana terpaksa menampung penghijrahan 2.5 juta pelarian dari Syria dan Iraq. Mereka (Turki) belanja agak besar, tetapi hanya terima AS\$400 juta (RM1.75 bilion) dari negara lain.

“Dengan perbelanjaan mereka yang melebihi RM8 bilion, mereka merayu kepada masyarakat antarabangsa untuk membantu keperluan menyara kos menempatkan pelarian dari kedua-dua negara itu di Turki,” katanya. **BERNAMA**